



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 24 JANUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	ISU PADI, BERAS PERLU DIRUJUK KEPADA PIHAK BERAUTORITI -KPKM, THE MALAY TRIBUNE -ONLINE ISU PADI DAN BERAS DIRUJUK KEPADA PIHAK BERAUTORITI - KPKM, THE RAKYAT INSIGHT.COM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3.	SELUDUP 77 BIRI-BIRI, KAMBING IKUT SEMPADAN KELANTAN, NEGARA, KOSMO -15	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	NELAYAN KECIL TEMPATAN PERAK TERUS TERTINDAS, DALAM NEGERI, UM -10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6. 7. 8.	MAQIS JOHOR PATAH CUBAAN BAWA MASUK 29,000kg CHICKEN BISHOP NOSE TANPA PERMIT IMPORT, BULETIN TV3 -ONLINE MAQIS, JKDM GAGALKAN CUBAAN BAWA MASUK TONGKENG AYAM, BERITA RTM -ONLINE MAQIS RAMAS 2,241 KOTAK TONGKENG AYAM DARI SINGAPURA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE 2,241 KOTAK TONGKENG AYAM CUBA DIBAWA MASUK SECARA TIDAK SAH, LOKAL, HM -5	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10. 11.	INSIDEN BERLAKU DI PASAR PAGI BUKAN PASAR TANI: FAMA, LOKAL, HM -5 OKU DIPUKUL: JANGAN BOIKOT PASAR TANI, MUKA DEPAN, KOSMO -1 & 3 BERAS MELAKA TO BE INTRODUCED NEXT MONTH, NATIONAL, THE SUN -4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12. 13.	KEMELUT PESAWAH TAK SUDAH, LOKAL, HM -19 PESAWAH TUKAR PADI KEPADA TANAMAN JAGUNG, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2025	THE MALAY TRIBUNE	ONLINE	

Isu padi, beras perlu dirujuk kepada pihak berautoriti – KPKM



Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) hari ini menegaskan setiap isu berkaitan padi dan beras hendaklah dirujuk kepada pihak berautoriti bagi memastikan rakyat mendapat maklumat yang tepat.

KPKM dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa mereka sentiasa komited untuk mencari penyelesaian terbaik melalui pelaksanaan reformasi industri padi dan beras secara menyeluruh, untuk meningkatkan daya saing industri, memperkukuh kebajikan pesawah serta menjamin bekalan beras negara.

“Langkah-langkah yang bakal diambil bagi memastikan keberadaan beras putih tempatan (BPT) di pasaran akan dimaklumkan, setelah perincian mengenainya dipersetujui oleh kerajaan,” menurut kenyataan itu.

KPKM mengeluarkan kenyataan itu sebagai respons kepada Ketua Task Force Pemantauan Kluster Makanan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, yang menggesa kerajaan meletakkan portfolio padi dan beras di bawah badan itu, berikutan kekurangan BPT dalam pasaran.

© New Straits Times Press (M) Bhd

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2025	THE RAKYAT INSIGHT.COM	ONLINE	

Isu Padi Dan Beras Perlu Dirujuk Kepada Pihak Berautoriti – KPKM

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menegaskan, isu berkaitan padi dan beras perlu dirujuk kepada pihak berautoriti supaya rakyat mendapat maklumat yang tepat.

“KPKM sentiasa komited untuk mencari penyelesaian terbaik melalui pelaksanaan reformasi industri padi dan beras secara menyeluruh untuk meningkatkan daya saing industri, memperkukuh kebajikan pesawah serta menjamin bekalan beras negara,” katanya menerusi kenyataan.

Katanya langkah-langkah untuk memastikan keberadaan Beras Putih Tempatan (BPT) di pasaran akan dimaklumkan setelah perincian mengenainya dipersetujui kerajaan.

KPKM mengulas kenyataan Ketua Kluster Makanan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL), Syed Abu Hussin Hafiz yang akan mengemukakan permohonan supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyerahkan portfolio urusan padi dan beras di bawah NACCOL.

Selasa lalu, Ahli Parlimen Bukit Gantang itu, berkata permohonan itu akan dibuat pada sidang Dewan Rakyat yang bermula 3 Februari depan bagi mencari penyelesaian kepada isu pada beras dalam negara yang dikatakan berlarutan sejak dua tahun lalu.

Beliau berkata, langkah itu juga diambil selepas Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu didakwa gagal menyelesaikan masalah berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2025	KOSMO	NEGARA	15

Seludup 77 biri-biri, kambing ikut sempadan Kelantan

KUALA TERENGGANU – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu berjaya mematahkan cubaan menyeludup 77 ekor kambing dan biri-biri dianggarkan bernilai RM98,500 di Kampung Padang Landak, Besut, dekat sini kelmarin.

Lori membawa muatan ternakan terbabit ditahan pasukan penguat kuasa JPV negeri pada pukul 11.30 malam.

Pengarah JPV Terengganu, Dr. Anun Man berkata, siasatan awal mendapati 77 ekor kambing dan biri-biri itu dibawa masuk dari negara jiran menerusi sempadan Kelantan.

“Kesemua haiwan berkenaan dipercayai mahu diseludup masuk bukan sahaja untuk pasaran di Terengganu malah akan dihantar negeri-negeri berhampiran.

“Ia merupakan kesalahan pemindahan ternakan tanpa kebenaran sah daripada Pengarah JPV,” katanya ketika dihubungi Kosmo!semalam.

Beliau berkata, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Jelas beliau, sebanyak 12 kes pemindahan ternakan tanpa permit telah direkodkan di



SEBAHAGIAN daripada 77 ekor kambing dan biri-biri yang dirampas di Kampung Padang Landak, Besut semalam.

Terengganu sepanjang tahun lalu.

“Ternakan seludup itu biasanya dijual pada harga lebih rendah daripada pasaran tempatan.

“Kita bimbang kerana berdasarkan kes sebelum ini, banyak ternakan yang diseludup tersebut tidak selamat untuk dimakan kerana berpenyakit,”

katanya.

Anun berkata, pemeriksaan organ dalaman haiwan ternakan tersebut seperti buah pinggang, paru-paru dan hati kebanyakannya telah rosak.

Beliau berkata, biasanya kerosakan tersebut berpunca daripada penyakit zoonotik yang boleh berjangkit kepada manusia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Nelayan kecil tempatan Perak terus tertindas

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarahrahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kira-kira 300 nelayan pantai tempatan khususnya di Perak terus berdepan dengan isu pencerobohan nelayan asing yang dilihat bermaharajalela tanpa penguatkuasaan tegas.

Timbalan Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jarangan Nelayan Pantai Malaysia (JA-RING), Mohd. Faizal Mohd. Zabri berkata, sekurang-kurangnya 50 bot tunda haram sering kali mencerobohi kawasan Bagan Datuk Kuala Sungai Tiang dan Kuala Sungai Burung dengan kebanyakan tekong dan awak-awak dalam kalangan warga asing.

Kata beliau, situasi itu merupakan satu penganiayaan kepada nelayan tempatan yang bergantung penuh kepada pendapatan hasil laut di kawasan digazetkan kepada bot nelayan kecil apabila bot pukat tunda haram ini merampas hasil dalam kawasan zon larangan.

"Walaupun ada tangkapan bot tunda haram ini dibuat oleh pasukan penguat kuasa, mereka dilihat kembali beroperasi sedangkan bot-bot ini perlu disita dan dilucut hak.

"Di bawah Perkara 47 Akta Perikanan 1985 memberi kuasa kepada penguat kuasa untuk menyita mana-mana vesel yang tidak berlesen dan alat tangkap yang tidak mengikut klasifikasi pada lesen," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Mohd. Faizal berkata, pihaknya sudah membuat aduan kepada Jabatan Perikanan (DOF) sejak tahun 2021, malah terbaharu pada bulan ini melalui surat yang dihantar kepada Pengarah Perikanan Perak.

Bagaimanapun, katanya, tidak ada apa-apa tindakan diambil, malah bot-bot tunda haram ini kelihatan semakin berleluasa dan kembali beroperasi.

Katanya, bot-bot tunda haram ini malah lebih berani apabila bertindak menukar warna bot mereka dan meletakkan nombor pendaftaran palsu untuk mengaburi mata pihak berkuasa selepas kegiatan mereka dirakam nelayan tempatan.

"Bot pukat tunda ini telah dikesan dan dirakam mengu-

“Penelitian video dan maklumat pengadu juga mendapati bot pukat tunda ini menggunakan tekong dan awak-awak warga asing serta tidak diusahakan sendiri.”

nakan aplikasi 'TimeStamps Camera' oleh nelayan tempatan yang berada di kawasan tersebut. Maklumat satelit yang diterima bot ini berada lebih kurang 1 batu nautika dari pantai Sungai Tiang, Bagan Datuk, Perak.

"Penelitian video dan maklumat pengadu juga mendapati bot pukat tunda ini menggunakan tekong dan awak-awak warga asing serta tidak diusahakan sendiri. Maklumat lapangan mendapati bot tunda ini menggunakan nombor pendaftaran palsu dan dan bot ini telah dicat dan ditukar nombor pendaftaran selepas video pencerobohan bot ini tular di media sosial," katanya.

Beliau mahu pihak berkuasa dapat mengambil tindakan lebih tegas tanpa kompromi berhubung isu pencerobohan bot tunda ini.

Sebagai contoh, pihak berkuasa Indonesia akan menenggelamkan mana-mana kapal nelayan warga asing yang mencerobohi kawasan perairan mereka.

Pada masa sama, katanya, pihak berkuasa perlu menyiasat dan mengambil tindakan atas setiap aduan daripada golongan nelayan yang telah membantu mengesan kegiatan bot tunda haram ini jika mereka kekurangan anggota petugas di lapangan.

"Langkah penguatkuasaan lebih tegas amat perlu supaya golongan nelayan tempatan tidak terus ditindas hanya kerana penguatkuasaan lemah sehingga memberi kesan kepada hasil laut negara dan pendapatan golongan nelayan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2025	BULETIN TV3	ONLINE	

MAQIS Johor patah cubaan bawa masuk 29,000kg Chicken Bishop Nose tanpa permit import



Hasil pemeriksaan MAQIS Johor menemui lebih kurang 29,113 kilogram bahagian ayam (Chicken Bishop Nose) yang cuba dibawa masuk tanpa permit import.

GELANG PATAH: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) mematahkan cubaan membawa masuk 2,241 kotak berisi bahagian ayam (Chicken Bishop Nose) dianggarkan bernilai RM340,856 di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), dekat sini, Jumaat lalu.

Menurut kenyataan MAQIS, pihaknya dengan kerjasama Jabatan Kastam menahan sebuah lori, kira-kira jam 8.00 malam pada 17 Januari lalu ketika melalui kompleks berkenaan.

“Hasil pemeriksaan berjaya menemui lebih kurang 29,113 kilogram bahagian ayam (Chicken Bishop Nose) yang cuba dibawa masuk tanpa permit import.

“Pemeriksaan lanjut mendapati kesemua bahagian ayam terbabit dibawa masuk tanpa sijil kesihatan veterinar dan sijil pengesahan halal,” katanya dalam satu kenyataan.

Susulan itu, pemandu dan lori terbabit ditahan untuk tindakan lanjut.

Tindakan diambil mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama.

Sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara maksima 6 tahun atau kedua-duanya sekali.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2025	BERITA RTM	ONLINE	

MAQIS, JKDM gagalkan cubaan bawa masuk tongkeng ayam



Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor, bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menggagalkan cubaan membawa masuk 29,113 kilogram (kg) tongkeng ayam tanpa permit import di Kompleks Sultan Abu Bakar

JOHOR BAHRU, 23 Januari- Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor, bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)

menggagalkan cubaan membawa masuk 29,113 kilogram (kg) tongkeng ayam tanpa permit import di Kompleks Sultan Abu Bakar di sini pada 17 Januari lalu.

Pengarah MAQIS Johor Eddie Putra Md Yusof berkata, kesemua bahagian ayam dibungkus dalam 2,241 kotak dan dianggarkan bernilai RM340,856.

Pemeriksaan lanjut mendapati bahagian ayam tersebut, juga tidak mempunyai sijil kesihatan veterinar dan sijil pengesahan halal.

Seorang pemandu lori lelaki berumur 42 tahun, ditahan sebelum dilepaskan selepas diambil keterangan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

#JKDM

#MAQIS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2025	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Maqis ramas 2,241 kotak tongkeng ayam dari Singapura



Maqis merampas 2,241 kotak bahagian tongkeng ayam yang cuba dibawa masuk ke negara ini secara tidak sah di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah, Iskandar Puteri, Jumaat lalu

JOHOR BAHRU – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 2,241 kotak bahagian ayam 'Chicken Bishop Nose' atau tongkeng ayam yang cuba dibawa masuk ke negara ini secara tidak sah di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah, di sini Jumaat lalu.

Pengarah Maqis Johor, Edie Putra Md Yusof berkata, pihaknya dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) berjaya menahan sebuah lori yang berdaftar di Malaysia membawa muatan itu dari Singapura pada pukul 8 malam.

"Hasil pemeriksaan bersama yang dijalankan oleh Pegawai Kastam dan Pegawai Penguatkuasa Maqis menemukan 29,113 kilogram bahagian ayam itu yang dianggarkan bernilai RM340,856.10 cuba dibawa masuk tanpa permit import Maqis di laluan lori masuk.

"Hasil pemeriksaan lanjut telah mendapati kesemua bahagian ayam tersebut juga dibawa masuk tanpa sijil kesihatan veterinar dan sijil pengesahan halal.

"Pemandu berusia 42 tahun, ditahan dan diambil keterangan sebelum dilepaskan. Siasatan lanjut dijalankan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Jelas Edie Putra, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import MAQIS adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama.

"Pihak Maqis sentiasa menjalankan penguatkuasaan undang-undang yang diperluaskan di semua pintu masuk negara.

"Ia bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian agar tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikro-organisma yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan," katanya.- MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2025	HARIAN METRO	LOKAL	5

Insiden berlaku di pasar pagi bukan pasar tani: Fama

Kuala Terengganu: Insiden seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) dipukul bukan berlaku di tapak pasar tani, sebaliknya di tapak pasar pagi, kata Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) negeri, Muhammad Fadlee Hassan.

Katanya, insiden OKU mental melanggar gerai berlaku di pasar pagi di Jalan Padang Astaka, Chukai, bukannya di Pasar Tani Cukai.

"Perniaga dipercayai terbabit dalam insiden pukul itu juga bukan kalangan usahawan Fama.

"Pasar tani, termasuk di tiga lokasi di Kemaman adalah di bawah seliaan Fama, manakala pasar pagi

yang turut beroperasi setiap Jumaat bermula 7 pagi hingga 12 tengah hari di kendalikan Persatuan Penjaja Daerah Kemaman," katanya kepada media di Tapak Pasar Tani Kekal di Jalan Hiliran, di sini, semalam.

Muhamad Fadlee berkata, pada masa sama, Fama turut melantik ahli jawatankuasa pasar tani kesekelamatan dengan dibantu seorang penyelia untuk mengawasi pergerakan lalu lintas.

"Kita memang tidak

membenarkan semua kawasan memasuki kawasan tapak pasar tani ketika beroperasi.

"Setakat ini, kita mempunyai sebanyak 1,500 usahawan di bawah bimbingan Fama dan menjalankan jualan di 110 tapak pasar tani di seluruh negeri," katanya.

Muhamad Fadlee berharap, dengan penjelasan berkaitan lokasi kejadian OKU mental dipukul, ia tidak memberi kesan kepada usahawan pasar tani.

"Fama beri amaran ke-

pada semua usahawan pasar tani supaya tidak terbabit dengan kejadian seperti yang berlaku ke atas OKU itu.

"Kita juga memperkenalkan sistem merit kepada semua usahawan pasar tani, termasuk yang tidak meletakkan tanda harga," katanya.

Muhamad Fadlee berkata, tindakan termasuk menggantikan lesen dan menyenaraihitamkan usahawan pasar tani akan dilakukan berdasarkan jumlah demerit terkumpul.

2,241 kotak tongkeng ayam cuba dibawa masuk secara tidak sah

Johor Bahru: Sebanyak 2,241 kotak bahagian ayam *chicken bishop nose* atau tongkeng ayam yang cuba dibawa masuk ke negara ini secara tidak sah di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah di sini, berjaya digagalkan pada Jumaat lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) Johor Edie Putra Md Yusof berkata, pihaknya dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) berjaya menahan sebuah lori yang membawa muatan itu pada jam 8 malam.

"Hasil pemeriksaan bersama yang dijalankan oleh

Pegawai Kastam dan Pengawal Penguatkuasa Maqis menemukan lebih kurang 29,113 kilogram bahagian ayam itu yang dianggarkan bernilai RM340,856.10 cuba dibawa masuk tanpa permit import Maqis di lori lori masuk.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati kesemua bahagian ayam berkenaan juga dibawa masuk tanpa sijil kesihatan veterinar dan sijil pengesahan halal.

"Pemandu berusia 42 tahun, ditahan dan diambil keterangan sebelum dilepaskan. Siasatan lanjut dijalankan, katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2025	KOSMO	MUKA DEPAN	1

OKU dipukul: Jangan boikot pasar tani

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merayu orang ramai agar tidak memboikot perniagaan Pasar Tani Chukai di Kemaman yang kebetulan terletak berhampiran lokasi kejadian se-

orang lelaki orang kelainan upaya (OKU) mental dipukul minggu lalu.

Pengarah FAMA Terengganu, Muhammad Fadlee Hassan berkata, insiden pukul itu berlaku di pasar pagi yang turut terletak di Padang Astaka, Chukai dengan waktu operasi sama

iaitu 7 pagi hingga 12 tengah hari setiap Jumaat.

“Walaupun pasar pagi itu turut dipanggil pasar tani, tetapi ia dikendalikan oleh persatuan penjaja setempat, manakala Pasar Tani Chukai pula di bawah kelolaan FAMA.

»BERSAMBUNG DI MUKA 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2025	KOSMO	MUKA DEPAN	3



MUHAMMAD FADLEE (kanan) meninjau gerai menjual sayur di Pasar Tani Hiliran, Kuala Terengganu semalam.

OKU dipukul: Jangan boikot pasar tani

DARI MUKA 1

tertakluk kepada peraturan ketat yang amat menjaga kepentingan dan keselamatan pelanggan.

"Setiap pasar tani FAMA mempunyai ahli jawatankuasa yang dibantu penyelia terdiri pegawai agensi kami sendiri.

"Sekiranya perkara sama (membelasah OKU) berlaku di pasar tani FAMA, tindakan buang akan terus diambil (terhadap peniaga terlibat)," katanya.

Kata Muhammad Fadlee, setiap kesalahan dilakukan peniaga pasar tani FAMA akan dikenakan denda dan kesalahan berulang akan meningkatkan denda yang boleh menyebabkan usahawan terlibat dikenakan tindakan digantung atau disingkirkan.

"Saya berharap semua pihak termasuk penduduk Kemaman terus menyokong perniagaan pasar tani dengan menjadikan ia pilihan utama (membeli barangan keperluan)," katanya.

"Saya juga ingin mengesahkan peniaga terlibat juga bukan usahawan FAMA dan tidak terlibat dalam mana-mana pasar tani kelolaan agensi kami," katanya ketika ditemui selepas memantau Pasar Tani Hiliran di sini semalam.

Terdahulu segelintir pihak mengajak orang ramai memboikot perniagaan Pasar Tani Padang Astaka, Chukai ekoran insiden seorang lelaki OKU menatal dipukul kerana melanggar sebuah gerai makanan panas pada 17 Januari lalu.

Muhammad Fadlee berkata, beliau risau salah faham tersebut boleh menjejaskan perniagaan lebih 55 usahawan FAMA yang mencari rezeki di Pasar Tani Chukai.

Katanya, usahawan FAMA yang berniaga di pasar-pasar tani

Beras Melaka to be introduced next month

JASIN: The Malacca government will introduce *Beras Melaka* next month as part of its efforts to revitalise the rice industry and support the country's rice production, said state Rural Development, Agriculture and Food Security Committee chairman Datuk Dr Muhammad Akmal Saleh.

He said Malacca had produced the MR 297 seed, a high-yield rice variety, adding that *Beras Melaka* is processed from seeds that cannot be used as

planting material.

"We are taking the responsibility to market *Beras Melaka* to the people of Malacca in collaboration with the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama)," he said after Malacca Chief Minister Datuk Seri Ab Rauf Yusoh's walkabout to inspect the padi seed project at the Tengah Padang rice field in Merlimau on Wednesday.

He said a 10kg bag of *Beras Melaka*

is expected to be sold at RM26 for consumers in the state as locally produced white rice is difficult to obtain.

"We will organise the sale of this rice in at least one location per district, depending on the available stock through a walk-in system, with one bag of rice limited to one family," he added.

On the seed project on 42ha of land that started in September 2024,

Muhamad Akmal said the first harvest of the new variety involving 18 farmers is expected to begin this week, with a projected yield of 189 tonnes.

He said the RM300,000 project utilises various latest technologies, such as drones, and is expected to meet nearly half of Malacca's seed requirements for one planting season.

"This mission is deemed

impossible as it is farmed outside the country's granary and is the first of its kind in Malaysia. We hope that from now on, rice production from this seed will address the issue of high seed prices.

"We try to sell it at a much lower price, which we hope can help Malacca farmers, while also fulfilling the state government's mission to cultivate and gazette idle rice fields," he said. — Bernama

Kemelut pesawah tak sudah

**MTEM gesa tubuh suruhanjaya
bebas tangani isu hasil padi
kurang, pendapatan pesawah**

Oleh Mohd Iskandar
Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) menggesa kerajaan menubuhkan suruhanjaya bebas bagi menangani kemelut tidak berkesudahan yang melanda industri padi dan beras negara.

Pengerusinya, Norysharin Hamidon berkata, ini kerana MTEM percaya Industri Padi dan Beras (IPB) dan Padi-beras Nasional Berhad (Bernas) selaku pemegang amanah industri gagal melaksanakan fungsi mereka.

Katanya, suruhanjaya yang dicadangkan itu perlu menangani beberapa persoalan yang berpunca daripada industri.

"Antaranya peningkatan kos penghasilan padi yang amat ketara dan tidak seimbang dengan pendapatan pesawah masih di bawah paras kemiskinan tegar (lingkungan RM700 hingga RM1,200 sebulan) serta peningkatan kos termasuk benih padi, racun, sewaan tanah, upah mengerjakan bendang dan banyak lagi.

"Cadangan harga beras baharu bagi mengimbangi kenaikan kos pengeluaran padi memandangkan harga kawalan beras tempatan pada RM2.60/kg sejak 2014 yang tidak munasabah.

"Begitu juga cadangan harga belian padi lebih adil di samping menuntut ketegasan suruhanjaya membendung kenaikan harga barang dan perkhidmatan oleh pihak yang cuba mengambil kesempatan," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Katanya, suruhanjaya terbahut perlu menangani usaha mengekang monopoli dan sabotaj kilang besar di sam-

ping menjamin pengeluaran benih berkualiti dan mencukupi mesti dipercepatkan serta ikhtiar menggunakan beras tempatan sebagai Beras Stokpail Negara demi mengurangkan kadar impot.

Katanya, ikhtiar meningkatkan pendapatan dan kebajikan 200,000 pesawah serta ahli keluarga mereka dengan sasaran RM4,000 hingga 5,000 sebulan boleh dijayakan melalui pertanian bersepadu, mengurangkan kos operasi dengan menggalakkan koperasi dan pertubuhan peladang kawasan membeli dan menyewa mesin pada kadar lebih murah serta meneruskan program subsidi bersasar untuk me-

nambah pen-

dapatan.

"MTEM berpandangan fungsi dan peranan asal Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) boleh dikembalikan bersandarkan kejayaan terdahulu mereka, namun menyerahkan kepada kebijaksanaan suruhanjaya

membuat keputusan terbaik berlandaskan musyawarah.

"Suruhanjaya ini semestinya dianggotai pemegang taruh yang mewakili pelbagai kepentingan, khususnya dalam kalangan pesawah, pengilang kecil dan pengilang Melayu, pemborong, pakar industri dari akademik dan teknologis, agensi berkaitan serta tokoh yang tiada kepentingan," katanya.

Katanya, MTEM khuatir sekiranya kerajaan tidak bertindak segera, Malaysia berdepan krisis keterjaminan makanan yang parah menjelang 2030.

Katanya, negara juga kemungkinan berdepan bantahan besar-besaran oleh rakyat sebagaimana terjadi di Perancis, Russia dan China suatu ketika dahulu kesan runtuh ekosistem keterjaminan makanan.

**"MTEM khuatir
sekiranya
kerajaan tidak
bertindak segera,
Malaysia
berdepan krisis
keterjaminan
makanan yang
parah menjelang
2030"**

Pengerusi MTEM,
Norysharin Hamidon

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Pesawah tukar padi kepada tanaman jagung

PASIR SALAK: Masalah padi yang ditanamnya sering diserang penyakit selain masalah sistem pengairan menyebabkan seorang pesawah di sini mengambil keputusan menukar tanah sawahnya kepada tanaman jagung.

Keputusannya ternyata berbaloi apabila meraih keuntungan yang lebih baik berbanding tanaman padi.

Ghafor Sarif, 55, berkata, dia mula mengusahakan tanaman jagung di tanah sawahnya seluas kira-kira 0.8 hektar dan menghasilkan keuntungan yang baik pada setiap kali hasil dikeluarkan.

Menurutnya, jagung manis yang diusahakannya mendapat permintaan yang tinggi selain harganya yang stabil.

“Sawah di sini mengalami masalah sistem pengairan, selain padi kerap diserang penyakit menyebabkan saya tidak

mendapat keuntungan daripada padi yang ditanam.

“Saya cuba beralih kepada tanaman jagung sejak dua tahun lalu dan tak sangka hasilnya lebih baik daripada padi.

“Tanaman jagung juga mudah diusahakan selain tiada masalah serangan penyakit pada pokoknya. Saya boleh katakan hasil jagung lebih baik daripada tanaman padi,” katanya ketika ditemui di Sungai Manik di sini.

Ghafor mengakui pada awalnya dia ragu-ragu sama ada tanah sawah sesuai ditanam jagung apatah lagi sawah di kawasanannya menghadapi masalah sistem pengairan yang tidak sempurna.

Menurutnya, namun kerana tidak mahu berterusan mengalami kerugian daripada menanam padi dia nekad menukar kepada tanaman jagung.

“Saya seperti tidak percaya dengan hasil yang diperoleh



GHAFOR Sarif menunjukkan hasil jagung yang ditanam di tanah sawah di Sungai Manik di Pasir Salak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

daripada tanaman jagung ini. Ternyata tanah sawah sesuai dengan tanaman jagung, pokoknya subur dan saiz buahnya besar selain isinya cantik.

“Kejayaan ini mendorong saya untuk menambah keluasan tanaman jagung yang ternyata lebih menguntungkan,” katanya.